

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Asasi Pengurusan
Sent: Thursday, April 19, 2018 8:04 AM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Abd Razak B Yaakub; Prof. Madya Dr. Munif Zariruddin Fikri b. Nordin; Dr. Mohamed Ali bin Haniffa; Faizah Bt Hashim
Subject: "ASASI EDUCATION FAIR 2018" BERI RUANG PUSAT PENGAJIAN PROMOSI PROGRAM PENGAJIAN



Pusat Asasi Pengurusan
CENTRE FOR FOUNDATION STUDIES IN MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

19 APRIL 2018 / 3 SYAABAN 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

**"ASASI EDUCATION FAIR 2018" BERI RUANG PUSAT PENGAJIAN
PROMOSI PROGRAM PENGAJIAN**



PAP Online – Sebanyak 14 pusat pengajian daripada Kolej CAS, COB dan COLGIS telah menyertai "Asasi Education Fair 2018" yang julung kali dianjurkan oleh Pusat Asasi Pengurusan baru-baru ini.

Sempena promosi tersebut, seramai 176 orang pelajar Program Asasi Pengurusan yang kini berada di semester akhir pengajian akan membuat pilihan program pengajian sarjana muda UUM pada awal bulan Jun melalui sistem portal pelajar.

Menurut Timbalan Pengarah (Akademik), Pusat Asasi Pengurusan, Prof. Madya. Dr. Munif Zarirruddin Fikri bin Nordin, “Asasi Education Fair” diadakan bertujuan membantu para pelajar mendapatkan informasi yang lebih jelas tentang program-program pengajian yang ditawarkan oleh pusat-pusat pengajian di bawah Kolej CAS, COB dan COLGIS. Menurutnya, pada Semester 1 dan 2, Pusat Asasi Pengurusan telah menjemput Penolong Naib Canselor daripada Kolej COB, CAS dan COLGIS melalui program *Intellectual Discourse Series* bagi memberi input tentang kelebihan setiap program pengajian, peluang kerjaya, perkongsian pengalaman dan motivasi kejayaan.

Seorang pensyarah dari Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan (SEFB), Dr. Azira Abdul Adzis yang ditemu bual baru-baru ini berkata ” sambutan daripada pelajar sangat memberangsangkan dan ramai pelajar berminat dengan program-program yang ditawarkan oleh SEFB, seperti program Sarjana Muda Kewangan, Sarjana Muda Perbankan Sarjana Muda Pengurusan Risiko dan Insuran, Sarjana Muda Ekonomi dan sebagainya. Selain itu, prospek kerjaya merupakan soalan yang paling popular yang ditanya oleh pelajar”. Menurutnya, promosi program daripada semua pusat-pusat pengajian wajar diadakan secara tahunan agar pelajar berpeluang mendapatkan informasi terkini tentang program pengajian yang ditawarkan di UUM, di samping berpeluang berinteraksi dengan para pensyarah yang hadir.

Program separuh hari yang berakhir pada jam 3.00 petang berjaya mencapai objektif dalam konteks membantu 176 orang pelajar Program Asasi Pengurusan membuat pilihan program sarjana muda dan membuka ruang kepada semua pusat pengajian untuk mempromosi program masing-masing.

Pihak Pusat Asasi Pengurusan merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para pensyarah dan staf daripada 14 buah pusat pengajian yang mengambil bahagian dalam “Asasi Education Fair 2018”.

SEKIAN.

=====

DARIPADA:

**PUSAT ASASI PENGURUSAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

TEL.: 04-928 3452/3456

FAKS: 04-928 3453

E-MEL: asasi@uum.edu.my

FACEBOOK: Pusat Asasi Pengurusan

LAMAN WEB : Pusat Asasi Pengurusan



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.